

Headline	SESB rugi hampir RM5 juta sebulan kerana kegiatan curi elektrik di		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	21 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	243 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 482
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,446



# SESB rugi hampir RM5 juta sebulan kerana kegiatan curi elektrik di Tawau

TAWAU: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) kerugian RM4.9 juta sebulan akibat kegiatan mencuri elektrik atau aktiviti penyambungan haram di Tawau.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) SESB Ahmad Fuad Md Kassim berkata kerugian itu melibatkan penyambungan haram di kira-kira 2,500 buah rumah di 24 kawasan petempatan, kebanyakannya kawasan setinggan.

“Di Sabah ini antara daerah yang kita kenal pasti merekodkan aktiyyiti penyambungan haram tertinggi ialah Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau,” katanya kepada pemberita, di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas melaksanakan operasi membanteras aktiviti penyambungan haram di Kampung Tinagat dan kawasan Airport Lama atau Tawau Lama. Dalam operasi itu, SESB berjaya merampas lebih 100 kilogram wayer yang digunakan dalam kegiatan berkenaan.

Ahmad Fuad berkata SESB dengan kerjasama agensi penguat kuasa lain akan menjalankan operasi secara berterusan untuk memberi mesej kepada orang awam bahawa SESB amat serius dalam usaha-hanya membanteras kegiatan itu.

SESB serius menangani masalah ini

bukan sahaja kerana kerugian besar yang dialami tetapi juga kerana penyambungan haram itu berbahaya kepada orang ramai, katanya.

Mengulas isu di Tawau, beliau berkata bagi tempoh September 2012 hingga Jun tahun ini, SESB melaksanakan 41 operasi membanteras penyambungan haram namun masih tidak dapat mengawal kegiatan itu.

Penduduk di sesetengah kawasan langsung tidak menunjukkan rasa serik dan kembali melakukan penyambungan haram selepas operasi dilakukan, katanya.

Sementara itu, Ahmad Fuad berkata SESB sedia membekalkan tenaga elektrik secara sah kepada petempatan setinggan jika ada permintaan daripada pihak berkuasa tempatan atau pemilik tanah persendirian.

Menurutnya beberapa petempatan seperti Airport Lama dan Kampung Sri Menanti sudah diberi bekalan elektrik secara sah atas inisiatif pihak berkuasa tempatan dan beberapa kampung lagi sudah mengemukakan permohonan.

Ahmad Fuad yakin usaha itu dapat mengurangkan kegiatan penyambungan haram namun permohonan harus memenuhi beberapa syarat.